

# Kursus DET beri pendedahan kemudahan pelajar OKU

NST 25-12-2014 8

KOTA KINABALU: Seramai 20 orang pelajar kelainan upaya (OKU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Kursus Disability Equality Training (DET) bertempat di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman CD baru-baru ini.

Kursus tersebut dianjurkan bertujuan memperkenalkan masyarakat mengenai isu-isu dan diskriminasi yang dihadapi oleh

OKU selain mengubah pandangan masyarakat, sistem dan polisi sedia ada untuk golongan berkenaan.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, kursus tersebut mampu memberi pendedahan kepada peserta kursus dan menjadi batu loncatan dalam meminimumkan jurang antara masyarakat.

“Saya percaya segala yang dilakukan pada hari ini mungkin tidak sempat kita rasai hasilnya, namun sekurang-kurangnya semua itu akan dapat dinikmati oleh orang-orang kurang upaya bersama-sama masyarakat pada masa hadapan kelak,” ujarnya pada majlis perasmian kursus tersebut.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengerua Kolej Kediaman CD, Dr. Mohamad Nizam

Nazarudin.

Tambahnya, kursus tersebut juga mampu memberi pendedahan tentang keboleh aksesan yang menguntungkan kepada golongan OKU.

Program tersebut dianjurkan oleh Kolej Kediaman CD dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS serta Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial FPP.



NIZAM menyampaikan cenderamata kepada salah seorang peserta program.



PARA peserta kursus dan Nizam (duduk di tengah) bergambar kenangan.